



**PEMIKIRAN**  
*Mu'ammad*  
**al-Ghazali**

**Dalam Bidang al-Quran dan al-Sunah**

**MOHD RUMAIZUDDIN GHAZALI**

PEMIKIRAN *Muhammad*  
al-Ghazali

Dalam Bidang al-Quran dan al-Sunah

Mohd Rumaizuddin Ghazali

Penerbit  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
2012

**CETAKAN PERTAMA 2012**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PENERBIT USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083

*penerbit.usim.edu.my*

*pej.penerbitan@usim.edu.my*

Penerbit USIM adalah anggota

**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

**IUM PRNTING**

No. 1, Jalan Industri Batu Caves 1/3,

Taman Perindustrian Batu Caves

68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-6188 1542/1544/1545 | Fax : 03-6188 1543

*iiumprinting@yahoo.com*

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Mohd. Rumaizuddin Ghazali, 1971-

Pemikiran Muhammad al-Ghazali dalam bidang al-Quran dan al-Sunah/

Mohd Rumaizuddin Ghazali.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 181

ISBN 978-967-0393-25-4

1. Ghazali, 1058-1111. 2. Muslim scholars. 3. Ulama. I. Judul.  
297.446

# Pemikiran Muhammad al-Ghazali dalam bidang al-Quran dan al-Sunah

---

## KANDUNGAN

PENGHARGAAN	vii
KATA PENGANTAR	ix
PRAKATA	xi
PENDAHULUAN	xiii
<b>BAB I: Sejarah Hidup, Peribadi dan Perjuangan</b>	<b>17</b>
Latar Belakang dan Pendidikan	17
Kegiatan Penulisan dan Kerjaya	19
Pengaruh Pendidikan dan Penulisan	21
Pendirian Muhammad al-Ghazali dan Kegigihannya di Mesir dan Dunia Arab	29
Keistimewaan Muhammad al-Ghazali	30
Meninggal Dunia dan Pujian Ulama Terhadapnya	35
Penerbitan Buku	36
Sumber-sumber Pemikiran dan <i>Usul 'Ishrin</i>	42
Muhammad al-Ghazali sebagai Pemikir	45
Kesimpulan	54
<b>BAB II: Pemikiran Muhammad al-Ghazali dalam Bidang al-Quran</b>	<b>55</b>
Penerbitan Buku Bidang al-Quran	55
Buku <i>Nazarat fi al-Qur'an</i>	57
Buku <i>Muhawar al-Khamsah li al-Qur'an</i>	60
Buku <i>Kayfa Nata 'amal Ma'a al-Qur'an</i>	67
Buku <i>Nahw al-Tafsir al-Mawdu'iy</i>	76
Buku <i>Kayfa Nata'amal Ma'a al-Quran</i> Karangan Yusuf al-Qaradawi: Satu Perbandingan	79
Kesimpulan	42

---

<b>BAB III: <i>Nasakh, Ijaz</i> dan <i>Tafsir al-Mawdu'iy</i> pada Pandangan Muhammad al-Ghazali</b>	<b>93</b>
<i>Nasakh</i> pada Pandangan Muhammad al-Ghazali	93
Pandangan Muhammad al-Ghazali Mengenai <i>Nasakh</i>	96
<i>Nasakh</i> yang Keterlaluan pada Pandangan Muhammad al-Ghazali	99
<i>Ijaz</i> pada Pandangan Muhammad al-Ghazali	111
Pandangan Muhammad al-Ghazali Mengenai <i>Ijaz</i>	115
<i>Tafsir Al-Mawdu'iy</i> Menurut Muhammad al-Ghazali	117
<i>Tafsir Al-Mawdu'iy</i> (Tafsir Tematik)	123
Kesimpulan	128
<hr/>	
<b>BAB IV: Pandangan Muhammad al-Ghazali mengenai al-Sunah</b>	<b>129</b>
Pengertian al-Sunah	129
Pandangan Muhammad al-Ghazali mengenai Hadis <i>Mutawatir</i> dan Hadis <i>Ahad</i>	131
Pendapat Wajib Beramal dengan Hadis <i>Ahad</i>	135
Pendapat Tidak Wajib Beramal dengan Hadis <i>Ahad</i>	135
Pandangan Ulama mengenai Hadis <i>Ahad</i>	135
Hadis <i>Ahad</i> : Satu Analisa	138
Pemikiran Muhammad al-Ghazali mengenai al-Sunah	145
Kaedah-kaedah Memahami al-Sunah	160
Penggunaan Hadis <i>Da'if</i>	166
Tanda-tanda Hadis Palsu	169
Kesimpulan	171
PENUTUP	173
BIBLIOGRAFI	181
INDEKS	193

## PENGHARGAAN

الحمد لله، كما ينبغي لجلال وجهه، وعظيم سلطانه، والصلاة والسلام على رحمة الله للعالمين، وحجته على الناس أجمعين، سيدنا وإمامنا وأسوتنا وحبيبنا ومعلمنا محمد، وعلى آله وصحبه، ومن ذريته إلى يوم الدين، أما بعد .

*Segala puji dan tahmid hanya bagi Allah, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah SAW, seluruh keluarga, para sahabat serta para ulama yang menyusuli mereka.*

Penulis mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung budi kepada kedua ibu bapa penulis, Allahyarham Hj. Ghazali bin Din yang tidak jemu-jemu memberi didikan agama dan semangat kepada penulis dan Allahyarhamah Hajah Rahmah bt. Mohd Rejab semoga Allah mengasihi mereka sebagaimana mereka mengasihi penulis sejak kecil. Begitu juga, kepada isteri tercinta Rahimah Ismail yang sentiasa tabah dan sabar dalam menempuh ujian hidup bersama penulis, penyeri hidup kami anak tersayang Farah Izzati, dan Muhammad Muadz Aqiel semoga menjadi anak soleh yang berbakti kepada agama dan bangsa.

Menerusi ruangan ini, penulis ingin merakam penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Muhammad Kamil Ab. Majid dan Dr Mohd Fauzi Hamat yang telah membantu dan membimbing penulis dalam dunia akademik. Menerusi kesempatan ini juga, penulis ingin mengucapkan penghargaan kepada pensyarah-pensyarah di Akademi

Pengajian Islam, Universiti Malaya, guru-guru di Maahad Mahmud, Alor Setar, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Matrikulasi 1990-1991) dan pensyarah di Universiti al-Azhar terutama Prof. Dr. Mustafa Abu Karishah (Mantan Naib Rektor), al-Marhum Prof. Dr. Sa'ad Zalam (Bekas Dekan Kuliah Bahasa Arab), Shaykh Awadullah Jad Hijazi (bekas Rektor), Prof. Dr. Sayyid Iraqi, Dr. Muhammad Amin Khadri, Prof. Dr. 'Abdullah Rabi'i Mahmud (kesemua mereka adalah guru penulis di Fakulti Bahasa Arab), al-marhum Shaykh Isma'il al-'Adawi, Imam Masjid al-Azhar, guru penulis dalam bidang hadis (mengajar *Sahih al-Bukhari*), al-marhum Shaykh Mustafa guru al-Qur'an di Masjid al-Husain di Kaherah.

Tidak lupa juga kepada Ustaz Muhammad Nordin al-Banjari al-Makki, yang penulis mengambil sanad ilmu hadis dan ilmu fiqah daripada beliau. Begitu juga, Allahyarham Tuan Guru Hj. Hussin Hj Abd Rahman (bekas Imam Masjid Zahir, Alor Setar), yang mengajar penulis kitab *turath* dalam bidang *Nahu*, *Saraf* dan *Balaghah*. Semoga Allah memberkati mereka.

Ucapan penghargaan juga kepada Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili, seorang tokoh fiqah dari Syria yang sentiasa memberi motivasi kepada penulis untuk berkhidmat kepada dunia ilmu. Penulis terharu dengan penghargaan daripada beliau dengan menyebutkan penulis sebagai *rijal Mu'alif* (tokoh penulis) sedang jika dibandingkan penulis dengan beliau seperti semut di hadapan gunung yang tinggi. Begitu juga Dr Yusuf al-Qaradawi dan Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, kedua-dua tokoh ini juga memberi inspirasi kepada penulis dalam berdakwah dengan mengikut manhaj *wasatiyyah* (kesederhanaan). Begitu juga Almarhum Shaykh Muhammad Sayyid Tantawi, mantan Shaykh al-Azhar yang penulis terkesan dengan gaya penyampaian penafsiran al-Quran.

Pada kesempatan ini juga, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah memberi dorongan serta sokongan sehingga penulis dapat menyiapkan buku ini terutama Sdr. Ahmad Azam Abdul Rahman, Abdul Halim Ismail, Dato' Dr. Siddiq Fadhil, Allahyarham Dato' Azmi Ahmad, Azizuddin Ahmad, para pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pegurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Khairil Anuar Ramli dan pihak Penerbit USIM yang sudi menyunting buku ini. Semoga amal bakti mereka dikira sebagai amal soleh oleh Allah di akhirat. Kepada rakan-rakan penulis yang bersama-sama dalam medan dakwah semoga Allah memberi kekuatan dan kesihatan untuk kita terus membina tamadun umat yang gemilang.

# KATA PENGANTAR

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Dr Abdul Shukor Hj. Husin**

*Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia,*

*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan*

*bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*

*dan*

*Murid kepada Shaykh Muhammad al-Ghazali*

Untuk menulis tentang seorang tokoh tersohor dan berwibawa seperti Shaykh Muhammad al-Ghazali tidaklah mudah kerana tokoh seperti beliau mempunyai ilmu dan pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai bidang. Sebagai seorang ahli akademik yang disegani, seorang pendakwah yang dedikasi dan berpengaruh, penulis yang sangat tajam penanya, pemikir yang sangat memahami isu-isu yang bergolok di dalam masyarakat, beliau bukan sahaja tersohor dalam bidang-bidang tersebut di atas malah menjadi contoh teladan yang baik pada zamannya. Pendekatan wasatiah, sifat tawaduk dan memahami realiti masyarakat banyak memberi kejayaan di dalam dakwah dan kerjayanya.

Tindakan sepadu teori dan amali, rohani dan jasmani memberi impak yang sangat berkesan kepada masyarakat dalam menghadapi pelbagai isu terutamanya yang berkaitan dengan agama dan kehidupan. Beliau melihat hakikat dan realiti umat Islam dalam menyelesaikan permasalahannya, tidak harus tertumpu kepada retorik dan fiqah *oriented* semata-mata. Menurut beliau, seorang dai perlu bukan sahaja kepada ilmu pengetahuan Islam yang mendalam tetapi harus bersikap lebih terbuka, realistik, ikhlas, komited dan mendengar, bagi mendatangkan hasil dari usaha yang dilakukan itu mendapat kerediaan Allah SWT.

Beliau sentiasa menyeru agar umat Islam bersatu padu dan menggunakan seluruh potensi yang ada sama ada kekuatan intelektual, modal insan yang terdidik dengan kemahiran semasa, kekayaan yang dimiliki dan keimanan yang teguh kepada agama. Jika ini dapat dihayati dengan jayanya beliau optimis bahawa masa depan Islam dan umatnya untuk mencipta ketamadunan serta menerajuiinya akan menjadi realiti.

Shaykh Muhammad al-Ghazali merupakan tokoh besar yang memberikan sumbangan tidak ternilai bagi mengembang dan memartabatkan ilmu Islam melalui kerja-kerja besarnya. Sebagai mahaguru yang tersohor dan dihormati di sebuah Pusat Pengajian Tinggi yang terulung di dunia iaitu Al-Azhar Al-Syarif, sebagai pendakwah yang berjaya melalui ceramah, penulisan, amal soleh dan teladan yang disanjung oleh kawan dan lawan, beliau sangat perihatin terhadap masalah umat Islam khususnya dalam membentuk sifat peribadi dan jati diri masyarakat Islam seperti yang dikehendaki oleh al-Quran dan Sunah.

Pengalaman saya sebagai murid yang berguru dengan beliau di Universiti Al-Azhar walaupun dalam masa yang amat terhad tetapi ia amat bermakna dan berpengaruh dalam pengajian dan kerjaya saya. Personaliti dakwah dan intelektualnya cukup terserlah dan bersederhana dalam dirinya. Muhammad al-Ghazali ialah seorang guru yang berjaya membimbing muridnya dengan penuh kasih sayang dan keakraban. Banyak tokoh-tokoh besar yang terdidik dibawahnya seperti Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi, Almarhum Prof. Dr. Shaykh Muhammad Sayyid al-Tantawi, Prof. Dr. Muhammad 'Imarah dan lain-lain lagi.

## PRAKATA

Buku ini bermula dengan sejarah hidup Muhammad al-Ghazali, latar belakang pendidikan, penglibatannya dengan Ikhwan Muslimin di Mesir terutama bersama pengagasnya Hassan al-Banna serta kegiatan penulisannya. Di samping itu, buku ini juga akan menceritakan tentang kegigihan beliau dalam perjuangannya menegakkan kebenaran di Mesir dan dunia Islam keseluruhannya. Perkara ini amat penting dikupas supaya dapat memberi gambaran mengenai suasana yang mempengaruhi jiwa dan pemikirannya.

Penggalian khazanah penulisan beliau merupakan faktor penting dalam merangka pemikiran Islam masa kini. Pengalaman-pengalaman dakwahnya amat bermanfaat dikaji dan diselidik bagi menghasilkan satu rumusan dan natijah yang terbaik untuk umat Islam dalam membina alam pemikiran dan idea semasa yang memaparkan wawasan serta alternatif baru. Perkara ini membolehkan umat Islam mengisi-ganti kegagalan pemikiran Barat yang hanya memfokuskan persengketaan dan faktor-faktor negatif dalam hubungan sesama manusia yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan.

Buku ini secara keseluruhannya menyentuh tentang kajian serta analisa secara ringkas kepada buku-buku tulisan bidang al-Quran dan al-Sunah yang dikarang olehnya. Buku-buku tersebut ialah buku *Nazarat fi al-Qur'an*, *Mahawar fi al-Qur'an*, serta *Nahw Tafsir al-Mawdu'iyy*. Sementara dalam bidang hadis, beliau mengarang buku yang bertajuk *al-Sunah al-Nabawiyyah bayn ahl Fiqh wa ahl al-Hadith*. Di samping itu, penulis akan membincangkan mengenai *nasakh*, *I'jaz*, *tafsir al-Mawdu'iyy* dan *hadith ahad*.

Buku ini juga membicarakan analisis penulis terhadap pemikiran Muhammad al-Ghazali khusus mengenai *nasakh, I'jaz, tafsir al-Mawdu'iy* dan pandangannya terhadap penggunaan hadis terutama *hadith ahad*. Di samping itu juga, pendapat serta pandangan ulama lain dimuatkan sebagai perbandingan bagi membuat rumusan dan kesimpulan.

Dalam bab akhir, penulis akan membuat kesimpulan dan rumusan dalam membina semula pemikiran Islam terutama dalam berinteraksi dengan al-Quran dan al-Sunah. Diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam dalam mengembalikan Islam sebagai pembina tamadun *khayra ummah*.

## PENDAHULUAN

Muhammad al-Ghazali al-Saqa merupakan seorang tokoh ulama, sarjana dan pemikir Islam abad ini. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 60 buah buku dan empat daripadanya mengenai pemikiran tentang al-Quran sebagai penggerak kebangkitan umat. Buku-buku tersebut seperti *Nazarat fi al-Qur'an*, *Mahawar al-Khamsah fi al-Qur'an Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an* dan *Nahw Tafsir al-Mawdu'iy*. Pengalamannya lebih daripada 50 tahun yang dihabiskan atas pentas dakwah Islamiah perlulah digarap oleh generasi kini terutama mutiara-mutiara penulisanannya. Pemikirannya yang bernas serta tajam menjadikannya sebaris dengan ulama-ulama besar untuk mengisi era kebangkitan Islam sejagat. Beliau begitu gigih dan berani dalam menyatakan kebenaran. Sejak tahun 1948, beliau telah mengarang buku dalam bidang pemikiran. Buku yang pertama ialah *al-Islam wa al-Awda' al-Iqtisadiyyah* (Islam dan Kedudukan Ekonomi). Tulisan-tulisannya memberi semangat baru kepada kebangkitan umat Islam.

Muhammad al-Ghazali pernah menyebutkan mengenai kehidupan manusia. Katanya:

*Ada setengah manusia yang dilahirkan dalam kehidupan ini dan kemudiannya hilang seperti buih-buih di lautan, ada juga manusia yang lahir kemudian namanya akan terus kekal, tidak ditelan zaman, malah terus bersama-sama dengan kebaikan, bersama kehidupan manusia, pemikiran dan manhaj. Suaranya tetap berkumandang (al-Gharib, 2003a:13).*

Inilah antara kata-kata Muhammad al-Ghazali mengenai orang yang berjuang dan berbakti meninggikan kalimah Allah nama mereka tetap abadi dalam sejarah walaupun semasa hidupnya, nama mereka sentiasa dicurigai. Umur tidak dikira sebagai panjangnya dengan perkiraan masa

tetapi dikira dengan lamanya tempoh orang mengingati dan kesan mendalam kepada jiwa serta contoh tauladan yang ditinggalkan.

Manusia seringkali mengejar kemuliaan. Sebahagian orang menyangka orang yang patut disebut mulia ialah orang yang memiliki harta yang banyak, keretanya ditukar setiap enam bulan menurut model yang terbaru, longgokan harta merimbun dan banyaknya simpanan wang dalam bank. Tetapi orang ini tidak segan silu melakukan kecurangan, korupsi, serta kecabulan yang orang lain tidak tahu atau seakan-akan tidak tahu kerana takut akan tersinggung kemuliaan beliau itu. Begitu juga kata sesetengah orang, kemuliaan ialah mendapat gelaran, pangkat dan kehormatan serta bilangan bintang terhias di dada. Perkara itu pun belum tentu mulia kerana terdapat juga kehormatan dan pangkat diperolehi melalui cara-cara yang tidak terpuji.

Orang yang layak disebut mulia ialah orang yang menang melawan nafsunya yang jahat, menegakkan budi pekerti yang mulia untuk kemaslahatan kaum, bangsa dan agama. Beliau berusaha memperbaiki dan memperhaluskan budi. Kemuliaan itu ialah kemuliaan jiwa yang melepaskan diri dari kerendahan dan perhambaan. Kemuliaan ialah membangunkan umat yang binasa, membuka selubung kebodohan, menuntut hak yang terampas, memberi ingat kemuliaan yang hilang, membangunkan yang lalai dan menyedarkan dari lengah, mempersatukan suara dan meningkatkan semangat. Meskipun tempat tinggalnya hanya sebuah pondok buruk, dan pakaian yang sederhana. Walaupun hanya makan seadanya, tidur di atas tikar kerana miskinnya, mengembara ke hilir ke mudik, ke lurah dan ke bukit. Jiwa yang demikian cukup untuk menjadi perhiasannya dan cukup menjadi tanda kesempurnaannya. Itulah hidup yang tenteram dalam hati. Itulah jasa yang tertulis sepanjang zaman yang selamanya tidak akan pupus. Sepatutnya ke sanalah sekalian manusia harus berlumba. Muhammad al-Ghazali seorang yang mulia dan pejuang yang namanya bersemadi dalam sejarah umat kerana keberaniannya dalam menyatakan kebenaran.

Penulis juga menghuraikan sifat-sifat mulia Muhammad al-Ghazali seperti kecintaan kepada Allah, sabar dan cecal dalam menghadapi ujian, tawaduk, ikhlas dan seorang yang suka kepada syair dan puisi. Antara tema-tema puisi dan syair yang sangat disukai olehnya ialah tema kemanusiaan dan ketuhanan. Beliau seorang yang gigih dalam menyatakan kebenaran dan pernah dilarang berkhotbah kerana kelantangan mengkritik pemerintah. Allah memberi jalan keluar kepada beliau apabila disekat daripada berceramah di Mesir dengan panggilan

untuk mengajar di Ummul Qura berhampiran dengan Baitul Allah al-Haram di Makkah. Itulah gantian kepada orang yang meletakkan ketakwaan dan keimanan mengatasi segala-galanya.

Muhammad al-Ghazali merupakan seorang pemikir Islam yang menyeru ke arah kemajuan dan kecemerlangan bangsa dan umat. Beliau meletakkan kepentingan dakwah Islamiah melebihi kepentingan diri dan kelompok serta mengelakkan pertelingkahan yang merugikan umat Islam. Beliau pernah menyebutkan bahawa seandainya kamu beribadat pada malam lailatulqadar di hadapan Kaabah di Masjid al-Haram tetapi kamu tidak pernah mengenang nasib umat dan memperjuangkannya, maka doa dan ibadat itu tidak ada nilai di hadapan Allah. Dalam situasi ini, beliau menyerap semangat dan pemikiran al-Afghani, Muhammad Abduh, Rashid Rida, Hasan al-Banna yang membicarakan cara-cara mengatasi kelemahan dan kemunduran umat Islam.

Keistimewaan Muhammad al-Ghazali dalam karyanya *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an* ialah kematangan pemikiran beliau sehingga dapat memberikan gambaran yang cukup objektif, relevan dan meyakinkan. Buku ini ditulis pada masa ketiga dalam period umurnya. Karya ini mengupas perkara pengajian dan metode berinteraksi dengan al-Quran secara betul. Buku ini telah diterbitkan oleh Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) dengan kerjasama Dar al-Wafa', Kaherah pada tahun 1992 dalam bahasa Arab yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Malaysia. Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh ABIM pada tahun 1994. Buku ini mempunyai kekuatan metodologi hasil gabungan daripada khazanah ilmu zaman silam serta pandangan-pandangan terkini. Karya ini diharapkan membuka minat sarjana Muslim serta masyarakat untuk mengkaji pendekatan al-Quran sebagai pemangkin kebangkitan umat.

Muhammad 'Imarah menyebutkan bahawa Muhammad al-Ghazali merupakan seorang tokoh dari alirannya menghidupkan pembaharuan Islam. Mereka ini berada dalam *Madrasah Asalah al-Fikriyyah Fi Shari'atina wa Tashri'atina* (aliran pemikiran asli dalam syariah dan perundangan). Antara mereka yang berada dalam aliran ini ialah Muhammad 'Abduh, Rashid Rida, Mahmud Shaltut, 'Abdullah Darraz, Muhammad al-Khudari dan Muhammad Abu Zahrah (Muhammad; Imarah, 1992:37-40).

Penulis akan menumpukan pandangan-pandangan Muhammad al-Ghazali dalam buku ini dengan memfokuskan kepada tiga perkara penting yang diutarakannya. Antaranya sebab-sebab krisis dan ciri-ciri

kemunduran Islam, metodologi berinteraksi dengan al-Quran dan manhaj yang menjadi alternatif semasa berinteraksi dengan al-Quran. Buku ini mengupas tentang keperluan pemikiran Islam yang tepat dan syumul. Umat Islam pada hari ini masih lagi melihat bahawa pemikiran Islam ini merupakan satu bidang yang tidak penting. Dalam karya ini, Muhammad al-Ghazali banyak menekankan pembebasan akal dan peranannya dalam menerokai al-Quran. Beliau menegaskan perlunya pemikiran syumul dalam mengadakan kajian terhadap al-Quran. Antara perbincangan yang terpenting juga ialah Sains Kemanusiaan dan Ilmu Kemasyarakatan yang semakin hilang di kalangan umat Islam. Muhammad al-Ghazali menyebut bahawa al-Quran sebagai teras pembinaan tamadun dan membentuk akhlak mulia. Di samping itu, beliau memberi keyakinan bahawa formula pemikiran yang diambil dari al-Quran adalah yang terbaik dan ilmiah. Buku ini menjelaskan kepentingan kedudukan pemikiran dan akal dalam Islam seperti yang dinyatakan oleh Muhammad al-Ghazali dan kesan pengurangan akal serta membataskan pemikiran tersebut dengan fahaman silam sahaja.

Karya ini juga memaparkan salah satu aspek iaitu *nasakh* dalam al-Quran yang sesetengah ulama mentafsirkan *nasakh* itu sebagai menamatkan hukum-hukum sebahagian ayat al-Quran atau mengangkatnya. Muhammad al-Ghazali tidak bersetuju dengan definisi ini dan menolaknya dengan mengemukakan alasan-alasan berdasarkan susunan ayat dan perkaitannya, di samping mengemukakan pendapat sesetengah ulama yang mutakhir. Oleh itu, buku ini akan mengkaji pandangannya tentang *nasakh* sambil membandingkan dengan pendapat-pendapat ulama yang lain. Penulis akan membicarakan tentang takrif sebenar *nasakh* dan fungsi sebenarnya mengikut pandangan ulama.

Muhammad al-Ghazali mempunyai pandangan mengenai konsep ijthad masa kini. Beliau melihat fungsi ijthad yang sebenar dalam konteks zaman sekarang. Beliau berpendapat agar diperbanyakkan ijthad dalam lingkungan wawasan Islam, manakala ijthad dalam bidang ibadat sudah memadai. Oleh itu, kajian ini akan menerangkan bagaimana fungsi ijthad semasa dan adakah ijthad dianggap sebagai pendapat yang mutlak dan tidak boleh dikritik. Bahagian ini juga membicarakan pandangannya mengenai al-sunah, hadis *mutawatir*, hadis *ahad* dan peranan al-sunah sebagai sumber kedua Islam dan cara memahami al-sunah secara betul.

## PENUTUP

Nama Muhammad al-Ghazali tetap akan dikenang sebagai pendakwah dan mujaddid yang ulung dalam abad ini. Beliau telah memberi sumbangan yang cukup besar kepada dunia pemikiran Islam dan dakwah Islamiah. Mutiara-mutiara penulisannya perlu dimanfaatkan oleh generasi kini. Keperibadiannya yang sederhana tetapi tegas perlu dicontohi oleh orang yang berkhidmat dalam medan dakwah. Pendekatan yang mudah dan bijaksana merupakan aspek terpenting dalam beliau membicarakan cabaran umat. Beliau merupakan pendakwah dan juruislah yang telah pergi meninggalkan timbunan khazanah berupa fikrah dan *tajribah* sebagai bukti dan saksi sejarah. Beliau telah melaksanakan tugas sebagai pendakwah yang menggarap permasalahan zaman dan cabaran lingkungan semasa. Fikrah dan *tajribah* ini hendaklah dikutip dan dijadikan panduan oleh generasi muda yang ingin berkhidmat dalam medan dakwah.

Beliau merupakan ilmuwan yang berani dalam menyatakan pendirian berkaitan isu-isu semasa. Keberanian dan ketegasannya dalam hal ini wajar disanjung dan diberi pengiktirafan. Walaupun beliau sentiasa dikritik tetapi kehebatan dan penghormatan kepadanya tidak lentur dan dirinya disegani oleh kawan dan lawan. Ketika mana masyarakat Mesir dibuai dengan kapitalis, sosialis dan komunis, beliau begitu lantang mengkritik melalui tulisan-tulisannya. Beliau juga merupakan ulama dan sarjana Muslim yang mengkritik Barat kerana memaksa umat Islam menerima ideologi mereka dan mencengkam negara-negara Islam. Kritiknya agak konsisten dan padu. Walaupun begitu, penentangannya tidak membuta tuli kerana perkara yang baik dan bermanfaat dari Barat haruslah diterima. Di sini beliau telah memaparkan wawasan serta alternatif baru bagi mengisi-ganti kegagalan pemikiran Barat yang hanya memfokuskan persengketaan dan faktor-faktor negatif dalam hubungan sesama manusia yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan.

Sikap keterbukaan atau liberalnya itu ada batasan. Beliau tidak menggadai agama dan maruah dengan begitu mudah. Walaupun beliau menggesa kebebasan wanita tetapi masih berpaut dengan nilai tradisi asas agama. Beliau melakukan sesuatu perkara berdasarkan kemudahan untuk orang ramai dan keuntungan kepada umat Islam. Di samping itu, segala pandangan serta idea yang diberikan menunjukkan kematangan pemikirannya. Keistimewaan karya *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Quran* ialah kematangan pemikiran beliau sehingga dapat memberikan gambaran yang cukup objektif, relevan dan meyakinkan. Ini kerana penulisan buku ini dikarang semasa tempoh ketiga hidupnya iaitu bermula dari umur 70-an sehingga meninggal dunia.

Muhammad al-Ghazali mengisyaratkan bahawa krisis umat Islam kini ialah krisis pemikiran, kedangkalan ilmu, pemerintahan diktator, pergantungan kepada riwayat-riwayat yang lemah, kehilangan keutamaan agenda, ketiadaan kajian mendalam dalam pemikiran al-Quran yang ilmiah, kealpaan kepada *fiqh al-hadari*, kerosakan manhaj pembelajaran al-Quran, mengkuduskan pemikiran-pemikiran lama dan terjemahan pemikiran-pemikiran Yunani dan Greek. Muhammad al-Ghazali sentiasa menggesa umat Islam sekarang menumpukan perhatian terhadap agenda besar bagi membangunkan ummah yang beriman serta berilmu. Beliau mahu umat Islam mengenenpikan isu-isu remeh kerana ini merugikan kedudukan mereka. Beliau menyebut tiada gunanya umat Islam membesarkan isu remeh-temeh sedangkan mereka mengalami penderitaan, peperangan, tinas-menindas, termasuk pembunuhan seperti yang berlaku di bumi Bosnia-Herzegovina dan Palestin.

Umat Islam perlu menguasai kekuatan keimanan yang disokong oleh ilmu dan hikmah yang menjadi prasyarat bagi mencapai kejayaan hakiki di dunia dan akhirat. Umat Islam sepatutnya tidak lagi membangkitkan perkara remeh seperti batal wuduk jika bersentuh di antara lelaki dan wanita kerana perkara itu sudah lama diselesaikan oleh ulama mazhab. Umat Islam harus bersedia menghadapi masa depan dengan menumpukan agenda-agenda besar bagi membangunkan ummah dengan persiapan dan kekuatan iman dan ilmu pengetahuan serta kesederhanaan.

Beliau mengajak umat Islam supaya melihat agenda yang lebih besar dan utama iaitu menguatkan ikatan ummah. Perkara ini menjadi agenda penting kerana masih ramai lagi umat Islam yang hidup dalam keadaan yang mundur sama ada dari segi ilmu pengetahuan, kebudayaan dan tamadun. Tambahan pula, umat Islam kini ditindas dan dibunuh. Beliau

juga menggesa para pendakwah supaya menggunakan pendekatan bijaksana dan kasih sayang kerana ia merupakan tunjang kejayaan dakwah. Sebagai contoh, pendapat yang mengatakan orang Islam membunuh orang bukan Islam wajib juga diqisasikan atas kesalahannya perlu dilaksanakan bagi memenuhi maqasid syariah. Para pendakwah perlu mengenegipikan pendapat yang menyatakan tidak harus membunuh orang Islam yang membunuh orang kafir, kerana ketiadaan persamaan. Pendapat pertama ini merupakan pendapat yang lebih kepada keadilan kerana hukuman *qisas* itu tidak mengira status agama.

Muhammad al-Ghazali berkali-kali menasihatkan pendakwah agar meneliti ayat-ayat al-Quran secara keseluruhan, bukan secara terputus-putus agar mengelakkan penyelewengan maksud. Setiap ayat harus dibaca dengan ayat sebelumnya dan meletakkan setiap ayat pada tempatnya yang sesuai. Ayat al-Quran tidak harus dianggap mempunyai pertentangan antara satu dengan lain, ia perlu difahami secara keseluruhan, bukannya secara bahagian yang terputus. Beliau juga mengingatkan umat Islam betapa pentingnya mereka berinteraksi dengan al-Quran dan al-sunah secara betul. Kedua-dua sumber ini merupakan kekuatan bagi umat Islam untuk maju. Muhammad al-Ghazali telah mengetengahkan satu gagasan baru yang bersepadu untuk menyelamatkan nasib umat Islam. Bersesuaian sebagai seorang ulama dan mujaddid, beliau sentiasa menyelami dan mengemukakan pendapatnya yang bernas berdasarkan nur al-Quran dan al-sunah serta ijtihad.

Memahami al-Quran secara cebisan akan menyebabkan fahaman yang dangkal terhadap sesuatu fenomena. Ia juga menghasilkan sikap yang simplistik dengan kesimpulan yang cetek. Oleh itu, melihat al-Quran secara padu dan utuh (*ru'yah syumul li al-Qur'an*) merupakan perkara yang amat penting dalam membina dan membangunkan tamadun Islam. Beliau berpendapat bahawa umat yang berinteraksi dengan al-Quran secara betul akan menghasilkan umat yang mulia. Al-Quran merupakan kitab hidayah dan tidak ada umat yang menghafal kitabnya seperti umat Islam. Umat Islam sahaja yang memiliki al-Quran yang penuh dengan Dastur Ilahi, peraturan, panduan dan *al-Nur*. Sepatutnya, umat Islam bukan sahaja berusaha untuk mengelokkan bacaan tetapi juga hendaklah meneliti, memahami dan mengkaji al-Quran seperti yang dilakukan oleh para sahabat. Mereka membaca dan memahami serta melaksanakan suruhan al-Quran dan kemudian baru berpindah ke ayat yang lain. Begitu juga kesan al-Quran kepada jiwa mereka.

Dalam buku ini beliau telah menekankan beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian iaitu:

1. Seseorang yang ingin menjadi pendakwah hendaklah sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan al-Quran. Kefahamannya mengenai al-Quran mestilah mendalam. Kehebatan ulama dan da'i adalah disebabkan mereka berpegang kepada al-Quran, berfikir tentang paksi-paksi utama al-Quran, dimensi dan lapangannya. Inilah yang menjadikan mereka imam yang muktabar.
2. Proses penghafalan sahaja tidak memberi sebarang makna kecuali difahami maksud al-Quran itu sendiri. Kefahaman yang menyeluruh ini akan menjadi azimat serta kekuatan kepada umat untuk mencapai kecemerlangan. Beliau juga menyarankan supaya aliran *tafsir al-mawdu'iy* ditonjolkan pada masa kini kerana aliran ini mampu untuk menjawab persoalan semasa.
3. Beliau menyeru umat Islam kembali menghayati al-Quran dan sunah secara betul. Beliau berkeyakinan bahawa formula pemikiran yang diambil daripada al-Quran dan al-sunah adalah terbaik dan ilmiah. Kedua-dua sumber tersebut merupakan suntikan pembinaan tamadun umat Islam. Di samping itu, mereka perlu mencontohi golongan salafus soleh yang terdiri daripada para sahabat Rasulullah SAW. Mereka antara generasi terbaik untuk dicontohi oleh umat Islam kini.
4. Beliau menyeru umat Islam menggunakan akal pada kedudukan yang sebenar. Mereka perlu mengaktifkan akal dan tidak memenjarakannya dalam lingkungan yang sempit. Metode berfikir yang betul akan mengubah jiwa dan perwatakan bangsa tersebut. Pembetulan metode tersebut harus bermula daripada metode pembelajaran dan cara-cara penyampaian terutama dalam pengajaran al-Quran. Pengislahan yang ingin dilakukan olehnya adalah melalui kesedaran minda yang tinggi. Kesedaran ini hanya akan dicapai melalui pendidikan Islam yang tulen.
5. Penyeruan kepada ijtihad semasa terutama dalam lingkungan wawasan Islam seperti isu hubungan antarabangsa, ekonomi dan politik. Sementara itu, ijtihad dalam ibadat sudah memadai.

6. Beliau banyak mengambil pendapat Muhammad 'Abduh dalam masalah nasakh. Beliau berpendirian bahawa nasakh tidak ada dalam al-Quran. Beliau juga mengkritik golongan yang menasakhkan al-Quran sewenang-wenangnya tanpa mempunyai dalil yang kukuh.
7. Beliau bersetuju menggunakan istilah *I'jaz al-'Ilmi* walaupun perkara itu telah diterokai oleh manusia kemudiannya. Menurutnya, *I'jaz al-'Ilmi* itu merupakan kebenaran kepada al-Quran. Penemuan-penemuan sains membuktikan al-Quran merupakan kitab yang diturunkan oleh Allah. Begitu juga *I'jaz* dari segi bahasa dan balaghahnya yang tidak dapat ditandingi oleh manusia dan jin.
8. Beliau menyarankan supaya umat Islam menguasai sains kemasyarakatan dan sains kemanusiaan. Ilmu ini hampir lenyap dan menjadi gersang di kalangan umat Islam. Beliau telah memberi idea dan membuka jalan untuk umat Islam menerokainya semula. Dasar-dasar ilmu tersebut sememangnya wujud dalam al-Quran. Perkara ini hanya memerlukan pengolahan semula dan diletakkan di bawah tajuk-tajuk tersebut. Kajian tersebut mestilah berdasarkan falsafah al-Quran.
